



## NEGERI TERENGGANU

### TAMBAHAN PERUNDANGAN

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN, 1974 [AKTA 133]

Tr. P.U. 22/92

UNDANG-UNDANG KECIL KERJA TANAH (MAJLIS DAERAH KEMAMAN) 1992

Tarikh penyiaran :  
Tarikh mula kuat kuasa :

5 November 1992  
5 November 1992

#### SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

[Mukadimah](#)

#### BAHAGIAN I - PERMULAAN

Undang-undang Kecil 1. [Nama, mula berkuatkuasa dan pemakaian.](#) Undang-undang Kecil 2. [Tafsiran.](#)

#### BAHAGIAN II - PENGEMUKAAN PELAN-PELAN

Undang-undang Kecil 3. [Pelan-pelan kerja tanah hendaklah dikemukakan dan diperakui.](#)  
Undang-undang Kecil 4. [Kewajipan-kewajipan jurutera.](#)  
Undang-undang Kecil 5. [Pelan-pelan hendaklah dikemukakan dalam tiga salinan.](#)  
Undang-undang Kecil 6. [Laporan pelan-pelan dan butir-butir hendaklah dikemukakan.](#)  
Undang-undang Kecil 7. [Pelan-pelan boleh dikemukakan secara berasingan.](#)  
Undang-undang Kecil 8. [Tata amalan yang berkaitan hendaklah dipatuhi.](#)

#### BAHAGIAN III - PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS BERHUBUNGAN DENGAN KERJA TANAH ASAS

Undang-undang Kecil 9. [Kehendak mengenai cerucuk sasak keping keluli.](#)  
Undang-undang Kecil 10. [Tanah hendaklah disiasat dan aras mata air hendaklah ditentukan.](#)

#### **BAHAGIAN IV - PERUNTUKAN-PERUNTUKAN BERHUBUNGAN DENGAN KERJA TANAH AM**

- Undang-undang Kecil 11. [Pokok-pokok tidak boleh ditebang sehingga tapak diusahakan.](#)  
Undang-undang Kecil 12. [Bangunan-bangunan dan sebagainya yang sedia ada hendaklah diruntuhkan atau dialih.](#)  
Undang-undang Kecil 13. [Kerja tanah melebihi 3.5 meter.](#)  
Undang-undang Kecil 14. [Menjalankan kerja tanah secara berperingkat-peringkat.](#) Undang-undang Kecil 15. [Syarat-syarat boleh dikenakan pada bila-bila masa sebelum kerja boleh diteruskan ke peringkat yang berikutnya.](#)

#### **BAHAGIAN V - PELBAGAI**

- Undang-undang Kecil 16. [Pelan-pelan, penentuan lanjut dan sebagainya jika dikehendaki.](#) Undang-undang Kecil 17. [Fee.](#)  
Undang-undang Kecil 18. [Pemeriksaan pelan-pelan.](#)  
Undang-undang Kecil 19. [Kesalahan-kesalahan.](#)  
Undang-undang Kecil 20. [Pengecualian.](#)

#### **SENARAI PINDAAN**

## Mukadimah

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 70A (17)(a) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*], Majlis Daerah Kemaman dengan ini membuat dan menurut seksyen 103 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:-

### BAHAGIAN I - PERMULAAN

#### Undang-undang Kecil 1. Nama, mula berkuatkuasa dan pemakaian.

Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-undang Kecil Kerja Tanah (Majlis Daerah Kemaman) 1992** dan hendaklah berkuatkuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

#### Undang-undang Kecil 2. Tafsiran.

Dalam undang-undang kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

"Akta" ertinya Akta-Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*];

"jurutera" ertinya" seorang yang didaftarkan sebagai jurutera profesional di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967 [*Akta 138*];

"jurutera Majlis" ertinya seseorang jurutera seperti yang di bawah yang diperlukan untuk menjalankan fungsi seorang jurutera seperti yang ditentukan di bawah undang-undang kecil ini, iaitu:

- (a) jurutera yang diambil sebagai kakitangan tetap kepada Majlis;
- (b) jurutera dari sebarang agensi kerajaan yang dilantik oleh Majlis; dan
- (c) jurutera yang diupah dengan fee oleh Majlis.

"kerja tanah" termasuklah apa-apa perbuatan mengorek, merata, menimbus dengan apa-apa bahan, menanam cerucuk, membina asas atau menebang pokok atas mana-mana tanah atau apa-apa perbuatan lain yang menyentuh atau mengganggu mana-mana tanah;

"kerja tanah asas" termasuk pembinaan asas, tingkat bawah tanah, binagilas, cerucuk, batu sendi dan peparit;

"kerja tanah kecil" ertinya mana-mana kerja tanah di mana Yang Dipertua melalui arahan, mengecualikan daripada peruntukan undang-undang kecil ini;

"Majlis" ertinya Majlis Daerah Kemaman;

"Yang Di Pertua" ertinya Yang Di Pertua Majlis Daerah Kemaman dan termasuklah Timbalan Yang Di Pertua.

## BAHAGIAN II - PENGEMUKAAN PELAN-PELAN

### **Undang-undang Kecil 3. Pelan-pelan kerja tanah hendaklah dikemukakan dan diperakui.**

(1) Pelan-pelan berhubung dengan kerja tanah yang dikehendaki dikemukakan di bawah seksyen 70A Akta hendaklah dikemukakan dan ditandatangani oleh seorang jurutera dan hendaklah:

(a) mengandungi suatu perakuan oleh jurutera menyatakan bahawa spesifikasi dan butir-butir yang terkandung di dalamnya itu adalah betul; dan

(b) diturunkan tandatangan pengesahan oleh pemunya tanah yang berkenaan itu atau oleh ejennya yang diberi kuasa secara bertulis dan hendaklah mengandungi alamat penuh pemunya itu atau ejen itu, mengikut mana yang berkenaan.

(2) Pelan-pelan dan spesifikasi-spesifikasi yang diluluskan oleh Majlis boleh dikemukakan semula untuk dipinda atau diubah tetapi dalam hal yang demikian itu kehendak-kehendak di bawah perenggan 1 (a) dan (b) hendaklah terpakai "*mutatis mutandis*".

### **Undang-undang Kecil 4. Kewajipan-kewajipan jurutera.**

(1) Jurutera yang memperakui pelan-pelan di bawah undang-undang kecil 3 hendaklah bertanggungjawab atas pelaksanaan yang sempurna bagi kerja tanah itu dan hendaklah terus bertanggungjawab sedemikian sehingga selesai kerja tanah itu melainkan jika:

(a) dengan persetujuan Yang Di Pertua seorang jurutera lain dilantik untuk mengambil alih; atau

(b) Yang Di Pertua bersetuju jurutera itu menarik diri.

(2) Jika Yang Di Pertua bersetuju menerima penarikan diri seseorang jurutera di bawah perenggan (1) (b) kerja tanah itu tidak boleh dimulakan atau diteruskan sehingga seorang jurutera lain dilantik untuk mengambil alih.

(3) Jurutera yang memperakui pelan-pelan itu hendaklah menjalankan penyeliaan-penyeliaan dan membuat apa-apa pemeriksaan yang perlu untuk memastikan kerja tanah itu dijalankan mengikut pelan-pelan, spesifikasi arahan-arahan, pindaan-pindaan atau syarat-syarat yang dikenakan oleh Yang Di Pertua dan pada amnya mengikut peruntukan-peruntukan undang-undang kecil ini.

(4) Jurutera yang memperakui pelan-pelan itu hendaklah memberitahu tarikh yang dicadangkan untuk pelaksanaan kerja tanah itu kepada Yang Di Pertua satu minggu sebelum memulakan pelaksanaan.

(5) Jurutera yang memperakui pelan-pelan itu hendaklah dalam masa satu minggu selepas selesai kerja tanah itu memberitahu kepada Majlis secara bertulis bahawa kerja tanah itu telah selesai.

(6) Perenggan (1) undang-undang kecil ini tidak boleh ditafsirkan sebagai melepaskan tanggungjawab seseorang daripada peruntukan-peruntukan seksyen 71 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

(7) Bagi maksud undang-undang kecil ini istilah "jurutera yang memperakui pelan-pelan itu" adalah termasuk jurutera yang dilantik untuk mengambil alih.

### **Undang-undang Kecil 5. Pelan-pelan hendaklah dikemukakan dalam tiga salinan.**

(1) Semua pelan hendaklah dikemukakan dalam tiga salinan atau seberapa banyak salinan sepertimana yang dikehendaki oleh Yang Di Pertua.

(2) Satu set pelan-pelan hendaklah terdiri dari bahan linen atau jenis lain yang tahan lasak dan bersama-sama satu set lain akan disimpan oleh Majlis dan set yang ketiga akan dikembalikan kepada orang yang mengemukakan pelan tersebut setelah diluluskan.

(3) Jika pelan-pelan tidak diluluskan, satu set pelan-pelan tersebut hendaklah dikembalikan kepada orang yang mengemukakan pelan-pelan tersebut.

### **Undang-undang Kecil 6. Laporan pelan-pelan dan butir-butir hendaklah dikemukakan.**

(1) Melainkan jika dikecualikan oleh Yang Di Pertua, laporan-laporan, pelan-pelan, spesifikasi dan butir-butir yang berikut hendaklah dikemukakan:

(a) laporan penilaian permulaan tapak bersama dengan detail-detail mengenai langkah untuk mengawal hakisan dan pemendapan;

(b) suatu pelan tapak yang dibuat mengikut skala yang tidak kurang daripada 1 bagi 1000 menunjukkan dengan warna jelas tapak kerja tanah, jalan masuk, alur utama, alur air semulajadi, parit dan tanah-tanah yang bersambungan atau sebahagiannya;

(c) pelan-pelan pada kontor 1.5 meter menunjukkan tanah di mana kerja tanah itu akan dijalankan dan tanah yang bersambungan dengannya mengikut skala tidak kurang daripada 1 bagi 500;

(d) pelan-pelan mengikut skala tidak kurang daripada 1 bagi 500 menunjukkan:-

- (i) aras platform untuk bangunan atau bangunan-bangunan;
- (ii) aras siap jalan;
- (iii) aras perut parit dan lintasan;
- (iv) tempat alir keluar saliran;
- (v) tutupan atau lencongan bagi mana-mana alur utama dan alur air semulajadi atau pembaikan-pembaikan padanya;
- (vi) apa-apa pengorekan, pemotongan atau penimbusan yang melebihi 2.5 meter dalam atau tinggi;
- (vii) perlindungan bagi kerja tanah itu daripada hakisan, termasuk perlindungan semasa kerja tanah itu berterusan;
- (viii) cadangan bagi pengawalan habuk-habuk yang mungkin timbul disebabkan oleh kerja tanah; dan
- (ix) peruntukan penahan enap, termasuk peruntukan semasa kerja tanah itu berterusan.

(e) Pelan-pelan muka keratan lintang dan bujur tidak kurang daripada 1 bagi 100 bagi skala tegak dan tidak kurang daripada 1 bagi 500 bagi skala datar menunjukkan tanah yang dipunggah bagi kerja tanah itu yang akan dijalankan di tapak itu;

(f) cara pengorekan, perataan, penimbusan, cerucuk pelindung atau apa-apa proses teknik bumi yang lain yang akan dijalankan;

(g) jadual bagi kerja tanah dan susunan dalam mana kerja tanah itu akan dijalankan secara berperingkat-peringkat;

(h) (i) amaun tanah yang hendak dikorek dan tempat di mana tanah yang dikorek hendak diletakkan dan disertakan dengan kelulusan yang diberi oleh pihak berkuasa yang berkenaan bagi memindahkan tanah itu;

(ii) amaun tanah yang hendak ditimbus dan kedudukan dari mana tanah untuk penimbusan itu akan didapati dan disertakan dengan kelulusan yang diberi oleh pihak berkuasa yang berkenaan bagi memindahkan tanah itu;

(i) langkah berjaga-jaga yang diambil bagi melindungi tanah, bangunan, jalan dan lain-lain harta yang bersambungan;

(j) pelan-pelan yang detail mengikut skala tidak kurang daripada 1 bagi 50 dan spesifikasi bagi cerucuk sasak keping atau lain-lain struktur penahan atau penstabilan cerun yang dikehendaki di bawah undang-undang kecil ini.

(2) Jika relevan, kiraan-kiraan dan segala aras bumi dan kontor yang tersebut dalam undang-undang kecil ini hendaklah dibuat dengan merujuk kepada data yang diberi oleh Jabatan Ukur Malaysia.

## **Undang-undang Kecil 7. Pelan-pelan boleh dikemukakan secara berasingan.**

Pelan-pelan dan spesifikasi yang dikehendaki di bawah undang-undang kecil 6 boleh, dengan kebenaran Yang Di Pertua melalui jurutera Majlis, dikemukakan secara berasingan tetapi dalam sesuatu hal yang demikian itu perakuan yang dikehendaki di bawah undang-undang kecil 3 hendaklah juga menyertai tiap-tiap satu set pelan dan spesifikasi yang kemudiannya:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa kerja tanah boleh dimulakan sehingga semua pelan dan spesifikasi yang dikehendaki di bawah undang-undang kecil ini telah diluluskan.

## **Undang-undang Kecil 8. Tata amalan yang berkaitan hendaklah dipatuhi.**

(1) Di mana jua berkenaan, pelan-pelan, spesifikasi dan kiraan-kiraan yang dikemukakan di bawah undang-undang kecil ini hendaklah mematuhi tata amalan yang berikut:

(a) Penyiasatan tapak - *Tata Amalan Piawai British 2001;*

(b) Kerja tanah - *Tata Amalan Piawai British 2003;*

(c) Asas Tapak - *Tata Amalan Piawai British 2004;*

(d) *Tata Amalan Kejuruteraan Awam No. 2 di atas kerja bina penahan tanah* yang dikeluarkan oleh Institut Jurutera Kerjabina, United Kingdom; dan

(e) Asas dan binaglas bagi bangunan-bangunan bukan perindustrian yang tidak melebihi 4 tingkat - *Tata Amalan Piawai British 101.*

(2) Jika ada dikeluarkan suatu Tata Amalan Piawaian Malaysia yang bersamaan selepas mula berkuatkuasa undang-undang kecil ini maka ia hendaklah menggantikan Tata Amalan Piawai British mengenai hal perkara yang sama dan hendaklah dipatuhi:

Dengan syarat bahawa ia tidak menyentuh pelan-pelan dan spesifikasi yang telah diluluskan di bawah Tata Amalan Piawai British atau kerja tanah yang dijalankan di bawahnya.

### **BAHAGIAN III - PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS BERHUBUNGAN DENGAN KERJA TANAH ASAS**

#### **Undang-undang Kecil 9. Kehendak mengenai cerucuk sasak keping keluli.**

(1) (a) Sisi-sisi bagi segala kerja tanah asas yang melebihi 3.5 meter hendaklah dilindungi dengan cerucuk sasak keping keluli.

(b) Bagi kerja tanah asas lain yang tidak melebihi 3.5 meter dalam, lain-lain cara perlindungan bagi tebing-tebingnya hendaklah dibina.

(2) Kehendak-kehendak di bawah perenggan (1) (a) dan (b) boleh dilonggarkan, diubah atau dikecualikan oleh Yang Di Pertua jika berpuas hati dari spesifikasi rekabentuk-rekabentuk dan kiraan-kiraan yang dikemukakan kepadanya bahawa suatu cara perlindungan lain adalah sekurang-kurangnya sama berkesan atau lebih baik dan akan memberi perlindungan yang mencukupi bagi harta yang bersambungan atau bahawa lain-lain cara perlindungan itu adalah tidak perlu, mengikut mana yang berkenaan.

#### **Undang-undang Kecil 10. Tanah hendaklah disiasat dan aras mata air hendaklah ditentukan.**

Penyiasatan tanah hendaklah dijalankan dan aras mata air dalam mana-mana kerja tanah asas hendaklah ditentukan dan jurutera yang mengesahkan pelan-pelan di bawah undang-undang kecil 3 hendaklah mengemukakan laporan-laporan penyiasatan tanah dan hendaklah memperakui bahawa apa-apa perendahan aras mata air tidak akan melibatkan mana-mana harta lain di sekelilingnya.

### **BAHAGIAN IV - PERUNTUKAN-PERUNTUKAN BERHUBUNGAN DENGAN KERJA TANAH AM**

#### **Undang-undang Kecil 11. Pokok-pokok tidak boleh ditebang sehingga tapak diusahakan.**

Jika ada pokok-pokok di atas tapak kerja tanah, pokok-pokok itu tidak boleh ditebang atau diterangkan sehingga tapak kerja tanah itu telah sedia untuk diusahakan.



## **Undang-undang Kecil 12. Bangunan-bangunan dan sebagainya yang sedia ada hendaklah diruntuhkan atau dialih.**

Di mana terdapat bangunan-bangunan atau struktur-struktur di tapak kerja tanah, ianya hendaklah diruntuhkan atau dialih sebelum tapak kerja tanah itu sedia untuk diusahakan, melainkan jika dikecualikan oleh Yang Di Pertua.

## **Undang-undang Kecil 13. Kerja tanah melebihi 3.5 meter.**

(1) Segala kerja tanah yang melebihi 3.5 meter tinggi atau dalam hendaklah dilindungi dengan suatu struktur penahan atau penstabilan cerun melainkan jika dikecualikan oleh Yang Di Pertua.

(2) Bagi kerja tanah di mana struktur penahan atau penstabilan cerun kekal adalah dikecualikan oleh Yang Di Pertua, maka hendaklah diadakan struktur-struktur penahan atau penstabilan cerun sementara dalam masa kerja tanah itu berterusan.

## **Undang-undang Kecil 14. Menjalankan kerja tanah secara berperingkat-peringkat.**

Kerja tanah yang hendak dijalankan hendaklah diperingkatkan mengikut susunan yang dikemukakan di bawah undang-undang kecil 6 (g) dan tiada kerja tanah boleh dimulakan atau diteruskan ke peringkat yang berikutnya melainkan apa-apa syarat yang dikenakan oleh Yang Di Pertua di bawah undang-undang kecil 16 telah dipatuhi dan jurutera yang mengesahkan pelan-pelan itu memperakui secara bertulis bahawa kerja tanah itu tidak mungkin menyebabkan kecaugangu atau kerosakan kepada harta-harta disekelilingnya.

## **Undang-undang Kecil 15. Syarat-syarat boleh dikenakan pada bila-bila masa sebelum kerja boleh diteruskan ke peringkat yang berikutnya.**

Yang Di Pertua boleh, pada bila-bila masa sebelum sesuatu kerja tanah boleh diteruskan ke peringkat yang berikutnya menghendaki:

- (a) disalir dan dilencongkan alur utama dan alur air semulajadi termasuk mengadakan permatang dan pembentung yang cukup;
- (b) bahawa penahan-penahan enap dan lain-lain kemudahan pengawalan pemendapan diadakan dengan cukup serta disenggara dengan sepatutnya;
- (c) bahawa struktur penahan diadakan di mana perlu;

- (d) bahawa cerun-cerun dilindungi dengan cukup bagi mengelakkan hakisan;
- (e) bahawa segala langkah-langkah yang berkesan diambil untuk mengawal habuk-habuk yang mungkin timbul disebabkan oleh kerja tanah;
- (f) bahawa asas jalan dibina dan permukaan jalan itu disendal bagi mengelakkan enap daripada dihanyutkan ke dalam alur air yang sedia ada; dan
- (g) bahawa timbusan-timbusan dipadatkan.

## **BAHAGIAN V - PELBAGAI**

### **Undang-undang Kecil 16. Pelan-pelan, penentuan lanjut dan sebagainya jika dikehendaki.**

Yang Di Pertua boleh, melalui jurutera Majlis, jika difikirkan perlu, menghendaki pelan-pelan, spesifikasi dan butir-butir lanjut atau membuat pindaan-pindaan lanjut kepada pelan-pelan itu atau mengenakan syarat-syarat lanjut yang difikirkan patut olehnya dan arahan-arahan, pindaan-pindaan atau syarat-syarat itu hendaklah dipatuhi.

### **Undang-undang Kecil 17. Fee.**

Fee yang kena dibayar oleh orang yang mengemukakan pelan-pelan untuk dipertimbangkan di bawah undang-undang kecil ini adalah seperti berikut:

- |  |   |
|--|---|
| (i) Jika kerja tanah asas tidak melebihi 6 meter di bawah aras tanah yang tinggi sekali dan melibatkan hingga 500 meter padu tanah | RM65.00   |
| (ii) Bagi tiap-tiap 100 meter padu tambahan tanah yang terlibat atau sebahagian daripadanya  | RM12.50   |
| (iii) jika kerja tanah asas melebihi 6 meter di bawah aras tanah yang tinggi sekali  | 1 1/2 kali fee yang ditetapkan dalam (i) di atas. |
| (iv) Jika kerja tanah as as melebihi 12 meter di bawah aras tanah yang tinggi sekali   | 2 kali fee yang ditetapkan dalam (i) di atas.     |
| (v) kerja tanah am   | RM250.00 sehektar atau sebahagian-nya.            |

(vi) selain daripada fee yang ditetapkan di atas, satu amaun yang munasabah yang ditentukan oleh Majlis dari masa ke masa, hendaklah dibayar bagi tiap-tiap satu kali jurutera Majlis atau wakilnya melawat tapak itu untuk pemeriksaan

RM30.00 satu pemeriksaan.

### **Undang-undang Kecil 18. Pemeriksaan pelan-pelan.**

(1) Sesuatu pelan yang diluluskan boleh diperiksa di pejabat Majlis dengan membayar fee sebanyak enam ringgit.

(2) Dengan kelulusan orang yang mengemukakan pelan-pelan dan dengan membayar fee sebanyak dua puluh empat ringgit bagi tiap-tiap satu pelan, pelan-pelan itu boleh disalin dan dengan membayar fee tambahan sebanyak dua puluh empat ringgit, pelan itu boleh diperakui sebagai salinan yang benar:

### **Undang-undang Kecil 19. Kesalahan-kesalahan**

Seseorang yang:

(a) dengan diketahuinya atau dengan cuai mengemukakan pelan-pelan, spesifikasi, kiraan-kiraan atau butir-butir yang palsu dalam apa-apa butir material; atau

(b) tanpa sebab yang munasabah tidak mematuhi mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit dan denda tambahan tidak lebih daripada satu ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan ini diteruskan selepas disabitkan.

### **Undang-undang Kecil 20. Pengecualian.**

Undang-undang kecil ini tidak terpakai bagi:

(a) kerja tanah yang dijalankan di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubungan dengan lombong;

(b) kerja tanah yang dijalankan bagi maksud pertanian;

(c) kerja tanah kecil; dan

(d) kerja tanah yang dimulakan atau dijalankan oleh atau bagi pihak Kerajaan Malaysia atau sesuatu Kerajaan Negeri.

Diperbuat oleh Majlis Daerah Kemaman di dalam mesyuaratnya pada 28 April, 1992.  
[MDK. 1202 SJ. 11]

AHMAD BIN SAID,  
*Yang Di Pertua.*  
*Majlis Daerah Kemaman*

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri di dalam mesyuaratnya pada 26 Ogos 1992.  
[SUK. TR. 1200/374/2; PUN. TR. 85/3/18]

OSMAN BIN MUDA,  
*Setiausaha,*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,*  
*Terengganu*

## SENARAI PINDAAN

*Undang-undang  
yang meminda*

*Tajuk ringkas*

*Berkuatkuasa dari*

Akta 160

Akta Matawang Malaysia (Ringgit) 1975

29-08-1975